

Home > SISWA > UTeM perluas kerjasama industri dalam bidang tumpuan semasa global

SISWA

UTeM perluas kerjasama industri dalam bidang tumpuan semasa global

Oleh Wartawan MalaysiaGazette - 30 April 2025



Majlis pertukaran MoA dan MoU yang disaksikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts Mustapha Sakmud di Bangunan Canselor, Kampus Induk UTeM.

MELAKA – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus memperluaskan kerjasama strategik dengan rangkaian industri dalam bidang tumpuan global masa kini menerusi pemeteraian empat Memorandum Persefahaman (MoU) dan 1 Memorandum Perjanjian secara serentak.

Majlis tersebut telah disempurnakan menerusi pertukaran MoA dan MoU yang disaksikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts Mustapha Sakmud di Bangunan Canselor, Kampus Induk UTeM.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Ts Dr Massila Kamalrudin berkata, UTeM terus agresif dan komited berhubung usaha pemantapan hubungan strategik dengan rangkaian industri secara bersepadu.

Ujarnya, pada masa yang sama bidang tumpuan kerjasama pula adalah berkisar kepada keperluan semasa industri global yang sedang rancak berkembang pesat pada masa kini.

Jelasnya, semalam, UTeM bertukar MoU bersama dengan 4 industri yang terdiri daripada Favoriot, AI SDS Lab, AMTIS Solution Sdn Bhd dan OLIVETOUCH Technologies Sdn Bhd manakala MoA pula melibatkan antara UTeM Holdings Sdn Bhd (UHSB) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Katanya, kerjasama UTeM antara AMTIS Solution Sdn Bhd dan OLIVETOUCH Technologies Sdn Bhd adalah tertumpu kepada projek pembangunan perisian dan pengkalan data di samping bersama menjayakan program Work Based Learning dan industri di fakulti.

“Sementara itu, kerjasama UTeM dan Favoriot pula berkisar kepada kerjasama dalam bidang Kepintaran Buatan dan Internet Kebendaan di samping menjayakan kerjasama dalam aspek pensijilan, latihan profesional untuk staf dan penyediaan latihan industri buat pelajar UTeM.

“Di samping itu, kerjasama strategik antara UTeM dan AI SDS Lab pula tertumpu kepada kerjasama memberikan pendedahan lanjut kepada pelajar dan staf UTeM dalam Semiconductor Integrated Circuit Design secara lanjutan,” katanya dalam kenyataan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kesemua kerjasama itu memberikan impak kepada penambahan nilai dan pemantapan proses akademik dan penyelidikan UTeM buat masa kini dan jangka panjang.

Pada hari yang sama, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud turut telah merasmikan bangunan baharu Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM) di Kampus Induk UTeM. – MalaysiaGazette